



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/B/4
Tarikh : 30 Jun 2016

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 19 TAHUN 2016**

**KADAR KELAYAKAN KEMUDAHAN CUTI REHAT TAHUNAN BAGI PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN - PEKELILING PERKHIDMATAN
BILANGAN 11 TAHUN 2015**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pada Mesyuarat Lembaga Bil 100/2016 bertarikh 27 Mei 2016, telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2015 (PP bil 11/2015) berkenaan dengan Kadar Kelayakan Kemudahan Cuti Rehat Tahunan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016.

3. Sehubungan dengan itu melalui P.P.Bil.11/2015 mulai **1 Januari 2016**, Penambahbaikkan Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) bagi pegawai yang dilantik sebelum 1 Januari 2009 sama ada bersetuju atau tidak bersetuju memilih PP Bil 4/2002 atau PP Bil. 20/2005 atau PP Bil 14/2008 sama ada dilantik ke jawatan lain atau tidak kadar kelayakan cuti rehatnya adalah lebih tinggi, kadar kelayakan CRT adalah berdasarkan tarikh lantikan tetap pertama atau lantikan tetap baharu, mana-mana yang lebih tinggi; manakala
- (ii) bagi pegawai lantikan tetap pertama yang dilantik mulai 1 Januari 2009, sama ada dilantik atau tidak dilantik ke jawatan lain selepas itu, kadar kelayakan CRT adalah berdasarkan tarikh lantikan tetap pertama.

Jadual baru Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan mulai 1 Januari 2016.

Tarikh Lantikan Pertama/ Baru	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan Yang melayakkan				Genap 10 Tahun Perkhidmatan Yang melayakkan			
	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi
Sebelum 1 September 2005	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	35 hari	35 hari
Mulai 1 September 2005 hingga 31 Disember 2008	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	30 hari	30 hari
Mulai 1 Januari 2009	20 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari

- (iii) Kadar Kelayakan Kemudahan Cuti Rehat tahunan bagi pegawai lantikan kontrak dan sementara yang kemudiannya dilantik secara tetap adalah ditentukan berdasarkan tarikh lantikan ke jawatan tetap.
- (iv) Dengan kuatkuasanya pekëliling ini akan membatalkan Lampiran C perenggan 3 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002; Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 2005 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2008 berkuatkuasa 1 Januari, 2016.

Bersama ini disertakan PP 11/2015 untuk panduan semua.

Sekian dimaklumkan. terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF'


(NURUL HUDA BIN TI ABDUL HAMID)

s.k. Y.Bhg. Datuk Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (P&I)
Timbalan Ketua Pengarah (D&O)
Pengarah-Pengarah Bahagian